

Perlu komitmen dan ketahanan mental tinggi

Kuala Lumpur: Bagi memastikan tanggungjawab dalam rumah tangga dan menuntut ilmu itu berjaya direalisasikan, mahasiswa perlu mempunyai objektif yang jelas dan komitmen serta ketahanan mental yang tinggi dalam menemпуhi cabaran mendatang.

Pensyarah Kaunseling Pusat Kepelebagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zuria Mahmud, berkata perkahwinan dan belajar adalah dua aktiviti yang normal bagi manusia yang ber-

kembang dengan sihat.

Katanya, kewajaran untuk melakukan keduanya secara serentak bergantung kepada pelbagai faktor termasuk umur, kesediaan pasangan dari aspek emosi, pemikiran, fizikal dan kewangan serta sokongan keluarga.

"Tidak ramai pelajar berkahwin pada usia awal 20an. Kebanyakan yang berkahwin seawal ini terdiri dari mereka yang matang, bijak dalam pelajaran, serta mempunyai pegangan agama yang kuat.

"Perkahwinan ketika ma-



Pelajar perlu bijak mendahulukan perkara yang lebih utama, sentiasa laksanakan tugas yang diamanahkan oleh pensyarah. (Foto hiasan)

sih dalam tempoh belajar boleh jadi baik atau buruk bergantung kepada kesediaan pasangan itu sendiri. Saya berpendapat, setiap pasangan perlu saling menghormati, menyokong dan bertolak ansur dalam kehidupan sebagai pelajar," katanya.

Bellau berkata, jika pasangan mempunyai bantuan kewangan seperti biasiswa, mereka perlu merancang bersama penggunaan bantuan berkenaan dan sekiranya mempunyai anak, sokongan daripada keluarga amat diperlukan supaya mereka berdua dapat belajar dengan tenang.

"Masalah mungkin timbul apabila seorang daripada pasangan kandas dalam peperiksaan, terlalu mementingkan kejayaan sendiri, curang dalam hubungan atau ahli ke-

uarga yang menimbulkan masalah yang remeh temeh.

"Semua perkara ini akan mengganggu proses pembelajaran mahasiswa. Oleh itu, komunikasi, perbincangan dan sokongan semua pihak sangat penting dalam membantu mahasiswa ini meneruskan tanggungjawab mereka sebagai pelajar dan juga suami atau isteri," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani, berkata universiti tidak mempunyai sebarang masalah untuk benarkan pelajar berkahwin ketika dalam tempoh pengajian kerana itu adalah pilihan masing-masing dalam menentukan masa depan mereka.

Katanya, pelajar di peringkat ijazah sarjana muda yang sudah berkahwin, disarankan supaya lebih disiplin dalam menjalankan tanggungjawab sebagai mahasiswa memandangkan banyak sesi kuliah dan tugas yang perlu disiapkan.

"Mereka perlu bijak mengutamakan perkara yang lebih utama, sentiasa laksanakan tugas yang diamanahkan oleh pensyarah dalam kadar segera dan buat persiapan belajar lebih awal.

"Pelajar yang sudah berkahwin ini perlu menunjukkan kematangan dari segi pemikiran, kerana mereka mempunyai daya fikir yang lebih luas dan matang, sekali gus jadi suri teladan malah ramai pelajar yang berkahwin masih berjaya mengekalkan pencapaian terbaik dalam pelajaran mereka," katanya.



Prof Dr Zuria Mahmud



Prof Madya Dr Mohd Rushdan Mohd Jailani